*Malaysia and International History Review*
e-ISSN: 2682-8839
Vol. 2, No. 1 (2020):18-34

# Perkembangan Pendidikan dalam Gerakan Islam JIM di Malaysia, 1990-2000

## *The Developments of Education by JIM's Islamic Movement in Malaysia, 1990-2000*

**Siti Ruzana Ab Ghani*, Rahilah Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamarudin**

Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.

**Corresponding Author* : sitiruzana@yahoo.com

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan perkembangan pendidikan dalam gerakan Jamaah Islah Malaysia (JIM) di Malaysia, 1990-2000. Selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, pendidikan aliran Islam kurang di beri perhatian dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu muncul pertubuhan-pertubuhan Islam yang bangkit membangunkan sistem pendidikan yang berlandaskan ajaran Islam bagi memenuhi permintaan masyarakat. Tambahan pula, wujud kesedaran dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu terhadap kepentingan pendidikan aliran Islam yang dapat memenuhi keperluan dunia dan kehidupan di akhirat. Permintaan terhadap pendidikan aliran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu semakin bertambah menjelang tahun 1990-an. Justeru itu, objektif kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti proses pembentukan sistem pendidikan dalam gerakan JIM sehingga tahun 2000. Kajian ini menggunakan pendekatan disiplin sejarah yang memberikan tumpuan terhadap sumber-sumber primer seperti rekod dan dokumen gerakan Islam JIM serta sumber-sumber sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa melalui pendidikan aliran Islam yang disediakan oleh gerakan Islam JIM telah dapat memenuhi permintaan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Gerakan Islam JIM adalah antara pertubuhan yang telah menyediakan keperluan pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan gerakan Islam JIM merupakan kaedah terbaik terhadap penyebaran dakwah Islam melalui pendidikan bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan hidup masyarakat Melayu di Malaysia.

**Kata kunci:** Sejarah Islam; Dakwah pendidikan; Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia; Pendekatan islah; Masyarakat Melayu

***Abstract***

*This article discusses the development of education in the Malaysian Islah Congregation (JIM) movement in Malaysia, 1990-2000. After independence in 1957, Islamic flow education was less concentrated in the education system in Malaysia. As such, there are emerging Islamic organizations that have developed educational systems based on Islamic teachings to meet the demands of the people. Furthermore, significant awareness among the Malay community in Malaysia in particular the importance of the flow of Islamic education that can meet the needs of the world and the hereafter. The demand for education among Islamic sects in the community is increasing by the year 1990. Thus, the objective of this study was to identify the process of formation of education system in JIM movement up to 2000. This study uses historical discipline approach focusing on primary sources such as JIM Islamic records and documents as well as secondary sources. The results showed that the flow of Islamic education provided by the Islamic movement JIM been able to meet the demands of the Muslim Malay community in Malaysia. The JIM Islamic Movement is one of the organizations that has provided the needs of Islamic education using a community-based approach. JIM Islamic movement societal approach was the best way to spread the message of Islam through education to achieve prosperity and happiness of the Malay community in Malaysia.*

***Keywords:*** *Islamic history; Preaching education; Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia; Islah approach; Malay community.*

## PENGENALAN

Pendidikan adalah satu medium penting bagi gerakan Islam menyampaikan dakwah di Malaysia (Saari 1994b, 59). Pada peringkat awal kedatangan Islam, penyebaran dakwah adalah melalui individu khususnya oleh golongan-golongan ulama yang menyampaikan dengan saluran pendidikan (Zairulshahfuddin 2000a, 46-51). Pada peringkat awal penyebaran Islam di Tanah Melayu, Melaka merupakan pusat pendidikan Islam oleh tokoh-tokoh seperti Syed Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaluddin untuk menyampaikan dakwah. Ini disokong oleh catatan sejarawan R.O Winsteadt dan W.G. Shellabear yang menyatakan pengajaran disampaikan di masjid dan istana berkaitan ilmu asas-asas Islam seperti tauhid, feqah, sejarah nabi, tasawwuf, al-Quran dan lain-lain (Yahaya 1983, 33-50). Selepas kejatuhan Melaka, pendidikan Islam diteruskan oleh golongan ulama tempatan seperti Hamzah Fansuri, Shamsuddin al-Sumatrani dan Nuruddin al-Raniri yang beroperasi di Acheh pada abad ke 16 hingga ke 18 (Hall 1962, 39-43).

Di samping itu terdapat golongan di Malaysia yang menyampaikan dakwah melalui pendidikan kesan pengaruh dari tokoh Islam di dunia Islam seperti tokoh Islam yang berkaliber iaitu Syeikh Muhammad Abduh (Azyumardi 2004b, 27). Tokoh ini terkenal sebagai tokoh islah dan reformis yang menekankan proses pemurnian kembali masyarakat Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah melalui aspek politik, ekonomi serta pendidikan.[1] Pemikirannya telah mempengaruhi tokoh-tokoh ilmuan seluruh dunia termasuklah Malaysia dalam aspek pendidikan (Faisal 1987, 43). Antara tokoh-tokoh di Malaysia yang dipengaruhi oleh pemikiran pendidikan Syeikh Muhammad Abduh ialah Syed Sheikh Ahmad al-Hadi, Sheikh Mohd Tahir Jalaluddin dan Haji Salleh Masri yang dikenali sebagai Kaum Muda. Kaum Muda telah menggabungkan ilmu-ilmu moden dan Barat melalui Pendidikan Islam. Bagi mengembangkan Pendidikan Islam, Kaum Muda telah mendirikan beberapa Madrasah terkenal seperti Madrasah al-Masyhur dan Madrasah al-Quran di Pulau Pinang (1914), Madrasah al-Hadi di Melaka (1917), Madrasah al-Idrisiyyah di Kuala Kangsar (1922) dan Madrasah Zainal

Abidin di Terengganu (1925). Keunikan dalam sistem pendidikan ini ialah para pelajar yang gagal tidak dapat naik belajar ke darjah yang seterusnya (Badlihisham 2010, 1-12).

Gerakan dakwah di Tanah Melayu diteruskan oleh gerakan tasawuf. Gerakan ini menyampaikan dakwah sejak Islam berkembang di Tanah Melayu. Pengajarannya meliputi ibadat ritual serta kaedah ilmu tasawuf yang merupakan asas dalam pendidikan Islam atau tarbiah gerakan tarekat yang dilaksanakan sehingga sekarang (Badlihisham 1999a, 75). Madrasah Saidiyyah di Rasah, Negeri Sembilan yang dibina pada tahun 1935 merupakan institusi Pendidikan Islam yang dibangunkan oleh gerakan ini.[2]. Namun begitu Madrasah ini terikat dengan lingkaran tradisi pendidikan Islam yang berbentuk konservatif dan tidak menerima perubahan moden. Madrasah ini telah berjaya melahirkan ramai ulama dan cendekiawan Muslim tempatan dan membantu perkembangan dakwah Islam (Zulkifli 2008, 138).

Perkembangan Pendidikan aliran Islam di Malaysia diteruskan melalui institusi pengajian pondok yang dikatakan berasal dari Pattani dan Indonesia dan antara tokoh yang terkenal ialah Sheikh Daud Abdullah al-Fatani dan Sheikh Tuan Haji Junus. Pembinaan pondok-pondok di sekeliling masjid atau surau dilaksanakan bagi menyampaikan pengajaran Pendidikan Islam kepada pelajar. Pengajaran Pendidikan Islam ini menggunakan pendekatan berbentuk sehala dan penerangannya berkaitan pengamalan Islam dalam kehidupan seharian. Setiap amalan dalam ibadah dan aktiviti kemasyarakatan para guru akan menjadi ikutan kepada para pelajar (Badriyyah 1984, XXV). Para pelajar juga akan membuka pondok apabila pulang ke kampung halaman untuk mengembangkan dakwah Islam. Institusi Pendidikan Islam ini dianggap tertua di Malaysia (Muhd 1984, 46).

Seterusnya pada tahun 1950-an, wujud gerakan dakwah yang berorientasikan sufi yang muncul dalam kalangan masyarakat India Muslim Malaysia. Gerakan Islam ini yang bersifat kerohanian kepada masyarakat dikenali sebagai gerakan Islam Jamaah Tabligh.[3] Pelaksanaan dakwah dilaksanakan di masjid-masjid tertentu di Malaysia secara tidak formal. Namun begitu menjelang 1990-an institusi pendidikannya telah dibina berhampiran masjid-masjid gerakan tabligh sama ada di peringkat pusat mahupun di cawangan-cawangannya. Menurut Abdul Rahman (1993), gerakan Islam Jamaah Tabligh juga dikenali sebagai gerakan tradisional-konservatif berbanding dengan al-Arqam yang di anggap sebagai tradisional-progresif.[4] Pendidikan aliran Islam juga dapat dilihat melalui gerakan Islam al-Arqam yang ditubuhkan pada akhir tahun 1960-an yang juga dianggap sebagai sebuah gerakan sufi alternatif iaitu tradisional-progresif dan beroperasi di perkampungan al-Arqam Sungai Penchala. Konsep pembelajarannya mengandungi fardhu ain dan fardhu kifayah. Kelemahan sistem pendidikan al-Arqam adalah berlegar dalam kalangan ahlinya sahaja dan tidak melibatkan masyarakat menyeluruh untuk mengembangkan dakwah Islam. Perkembangan pendidikan Islam al-Arqam diharamkan pada tahun 1994.[5]

Selain itu, muncul institusi pendidikan Islam persendirian yang dibina oleh gerakan-gerakan Islam PAS (Parti Islam Se-Malaysia), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), dan Jemaah Islah Malaysia (JIM).[6] Gerakan-gerakan Islam yang beraliran reformis ini mementingkan aspek pendidikan Islam dengan menubuhkan sekolah-sekolah persendirian bagi menyampaikan dakwah Islamiyah kepada masyarakat.[7] Gerakan-gerakan Islam ini mempunyai bentuk dan pendekatan tersendiri dalam mendekati masyarakat untuk menyampaikan dakwah melalui pendidikan aliran Islam.[8] Walaupun terdapat pelbagai bentuk pendekatan penyampaian pendidikan Islam, namun ini secara tidak langsung telah menjadi penggerak kepada perkembangan sistem pendidikan Islam di Malaysia (Amini 2011, 26).

Perbincangan artikel ini berfokus kepada perkembangan pendidikan dalam gerakan Islam JIM. Gerakan JIM lebih bersikap terbuka dan lebih profesional dalam mendekati masyarakat melalui aspek pendidikan sehingga tahun 2000. Menjelang tahun 1990-an kemunculan pertubuhan gerakan Islam JIM telah membuka ruang kepada masyarakat Islam di

Malaysia khususnya masyarakat Melayu untuk menampung keperluan pendidikan yang berorientasikan sistem pendidikan Islam tersebut. Pendidikan Islam merupakan suatu isu besar dalam kalangan masyarakat Melayu yang memerlukan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan barakah. Masyarakat Melayu menuntut agar penambahan mata pelajaran yang berunsurkan Islam di dalam kurikulum.[9] Perubahan ini diperlukan dalam sistem pendidikan sekular di mana prinsip-prinsip keilmuan dan pendidikan Islam harus menerasi dan melandasi keperluan masyarakat Islam. Ini kerana dalam tahun 1960-an hingga 1970-an pendidikan aliran perdana hanya menekankan kepada nilai-nilai pendidikan Barat bagi melahirkan generasi yang cemerlang.[10] Namun begitu pada dekad 1980-an, berlaku perubahan dalam Falsafah Pendidikan Negara yang lebih terarah kepada pembangunan insan yang bersepadu. Seterusnya perkembangan terkini di dunia pendidikan mementingkan lahir generasi saintis, teknologi maklumat yang berketerampilan sahaja.[11]

Persoalan pokok dalam pendidikan di Malaysia yang perlu diberi perhatian segera adalah menjadi hak generasi muda Islam untuk dididik dan diorientasikan dalam sistem pendidikan aliran agama Islam (Saari 1993d, 34). Adalah menjadi satu tanggungjawab gerakan Islam untuk terus memperjuangkan faham pendidikan Islam yang terpancar dari sinaran al-Quran dan petunjuk junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Oleh itu keperluan pendidikan Islam ini adalah kewajipan pemerintah sebuah negara yang agama rasmi adalah agama Islam untuk menyediakan bagi mendidik dan mendewasakan generasi muda dalam sistem dan orientasi beragama.[12] Perubahan perlu dilakukan dalam sistem pendidikan sekular yang bermatlamatkan penghasilan tenaga kerja dan perpaduan negara sahaja (Saari 1991a, 26). Ini kerana melalui pendidikan Islam yang teratur maka golongan muda dapat terhindar daripada gejala-gejala liar yang mempengaruhi kehidupan mereka. Sikap prihatin gerakan Islam JIM yang menyuarakan kehendak rakyat khususnya masyarakat Melayu dalam pendidikan generasi muda Islam telah dapat membuka ruang kepada pihak pemerintah untuk melihat dengan lebih dekat keperluan mendesak dalam sosioekonomi antara 1970-2000.[13] Pihak pemerintah perlu menurut sertakan golongan cendekiawan Islam dalam program-program pendidikan dengan mengelakkan melaksanakan dasar dan program yang bertentangan dengan Islam. Pendidikan merupakan aset yang penting bagi pembentukan sebuah negara bangsa.[14]

Oleh itu, analisis kajian ini adalah terhadap latar belakang perkembangan pendidikan dalam gerakan Islam JIM (Jamaah Islah Malaysia) di Malaysia, 1990-2000 khususnya kepada masyarakat Melayu. Sistem pendidikan yang berorientasikan Islam dalam gerakan Islam JIM telah menjadi pilihan masyarakat Melayu berbanding dengan pendidikan dalam gerakan-gerakan Islam lain di Malaysia.[15] Sebagaimana yang kita maklum setiap gerakan Islam yang ditubuhkan di Malaysia mempunyai persamaan dalam matlamat perjuangan dakwah melalui pendidikan iaitu membawa masyarakat Melayu khususnya ke arah kehidupan yang lengkap (Ab. Aziz 1977,34). Namun begitu, tidak boleh dinafikan setiap gerakan Islam di Malaysia akan bergerak mengikut pendekatan yang berbeza mengikut perlembagaan pertubuhan dengan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah.[16] Lantaran itu gerakan Islam JIM bergerak menggunakan pendekatan Islah dalam melaksanakan dakwah melalui pendidikan aliran Islam untuk mendekati masyarakat di Malaysia (Mazlee 2014a, 5).

## PENDIDIKAN ISLAM DALAM GERAKAN ISLAM JIM

Gerakan Islam JIM merupakan sebuah gerakan dakwah sosial yang dipelopori oleh golongan-golongan korporat dan profesional. Sebagai gerakan dakwah gerakan Islam JIM menggunakan pendekatan Islah dan Tarbiyah yang membawa imej profesional dan sistematik dalam setiap program-program yang dilaksanakannya.[17] Bersesuaian dengan gerakan dakwah sosialnya, pendidikan aliran Islam dalam gerakan Islam JIM mengutamakan pendidikan agama dan pendidikan Bahasa Arab.[18] Oleh itu, gerakan Islam JIM melaksanakan program seperti Institut

al-Quran, '*Da'wah Training Institute IWC-JIM*' dan institusi pendidikan seperti sekolah rendah dan menengah al-Amin dan Koleh Jaipetra. Sekolah al-Amin berjaya menarik perhatian masyarakat kerana pendidikan Islam menyeluruh meliputi aspek agama dan bahasa al-Quran. Dengan ini masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu di Malaysia dapat memberi pendidikan aliran Islam yang sempurna kepada anak-anak.[19] Matlamat Pendidikan Islam dalam gerakan Islam JIM adalah untuk melahirkan generasi Muttaqin[20] yang berjaya menegakkan Islam melalui pendidikan agama dan bahasa Arab (Zatul 1993, 45-46). Pendekatan gerakan Islam JIM lebih bersifat terbuka kepada masyarakat maka penggunaan kaedah islah yang diguna pakai dalam sistem Pendidikan Islam formal mahupun praktikal dan responsif dapat memenuhi kehendak masyarakat dengan tertubuhnya Raudhatul Sakinah pada tahun 1998.[21] Pendidikan aliran Islam dalam gerakan Islam JIM adalah kombinasi antara pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh golongan ulamak-sekular (agama-sekular) dalam masyarakat khususnya masyarakat Melayu di Malaysia.[22]

Dengan ini, gerakan Islam JIM dapat memberi sumbangan dakwah melalui pendidikan aliran Islam kepada masyarakat Melayu di negara ini. Kecenderungan gerakan Islam ini dalam memartabatkan Islam sebagai tonggak asas dalam pendidikan telah menjadikan jurang pemisah dengan pendidikan kebangsaan yang berbentuk sekular. Sistem pendidikan Islam JIM yang menggunakan pendekatan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dapat memenuhi keperluan pendidikan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Hal ini kerana berikutan daripada pengenalan sistem pendidikan Islam, maka terdapat alternatif untuk masyarakat Islam memilih sekolah-sekolah aliran Islam. Sekolah-sekolah tersebut terdapat dalam kategori persendirian dengan polisi yang digubal sendiri dan pelaksanaannya dalam pendidikan arus perdana. Gerakan Islam JIM juga dapat memperkembangkan sistem pendidikan Islam di Malaysia melalui pendekatan sosial kemasyarakatan.[23]

Masyarakat Islam di Malaysia menghadapi satu agenda abad ke-21 dalam menjadikan pendidikan mampu mengisi ruang persaingan ilmu yang baik dalam kalangan umat Islam.[24] Program pengislahan JIM melihat pendidikan dalam gerakan Islam JIM yang merupakan sebuah gerakan dakwah sosial. Kehadiran JIM dalam gerakan Islam di Malaysia dapat meningkatkan arus kebangkitan agama Islam dengan menggabungkan idea dan pemikiran daripada para ulama dan golongan berpendidikan tinggi dalam kurikulum pendidikan semasa.[25] Pendidikan yang diperkenalkan oleh gerakan Islam JIM, jelas menunjukkan bahawa perlunya kesepaduan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Pendidikan bersepadu perlu diteruskan dan dikembangkan sayapnya secara menyeluruh dan bersepadu dari tahap pra sekolah sehingga ke tahap pengajian tinggi berteraskan keimanan dan pembentukan akhlak mulia dalam masyarakat khususnya masyarakat Melayu (Saari 1997e, 23). Gerakan Islam JIM muncul dengan imej pendekatan tarbiyyah dan Islah yang terbuka kepada masyarakat telah menguasai sistem pendidikan aliran Islam melalui penubuhan sekolah rendah dan menengah al-Amin serta Kolej Jaipetra. Pendidikan agama dan bahasa Arab dalam gerakan Islam JIM menarik pandangan masyarakat melalui falsafah tauhidnya membina insan rabbani, berilmu, beriman dan berakhlak mulia (Siti Ruzana, 2018:235).

Kurikulum sekolah gerakan Islam JIM adalah diselaraskan antara sukatan pelajaran dari beberapa sekolah agama di Kelantan dan Terengganu dengan sukatan pelajaran yang sedia ada dalam kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendidikan Islam JIM memberi penekanan dalam aspek akademik, kemahiran hidup dan teknologi moden (Zairulshahfuddin 2000b,45-46). Matlamatnya pendidikan aliran Islam dalam gerakan Islam JIM adalah untuk melahirkan generasi Muttaqin yang diharapkan dapat menerapkan dan menyampaikan dakwah Islam secara menyeluruh melalui sistem pengkaderannya yang diberi nama KARISMA pada 2 Mei 1999. Gerakan Islam JIM telah memperkenalkan sistem pendidikan Islam melalui tarbiah dan islah kepada masyarakat Melayu yang diuruskan dan dikendalikan oleh golongan intelektual serta di bantu oleh tokoh korporat dan profesional (Badlihisham 1999b, 25).

Pengenalan sistem pendidikan aliran agama dalam gerakan Islam JIM dapat membina masyarakat generasi Islam yang mampan dalam pengetahuan Islam. Masyarakat Melayu di Malaysia tidak lagi perlu risau dengan keperluan sekolah yang menggunakan aliran Islam dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas. Pendidikan aliran Islam yang diguna pakai oleh gerakan Islam JIM dapat membantu membimbing masyarakat Islam di Malaysia. Pendidikan aliran Islam mendapat tempat dalam pilihan masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu kerana kurikulumnya yang menggunakan Bahasa Arab dalam pengajaran yang sekali gus mengajar para pelajar bahasa Al Quran (Saari 1993c, 21). Hal ini kerana pendidikan aliran Islam di sekolah aliran perdana hanya mengajar sukatan pelajaran pendidikan Islam sahaja.[26] Pendidikan ini tidak meluas kepada semua aspek pendidikan akibat bebanan dalam masa yang terhad berbanding di institusi pendidikan JIM yang menggunakan sepenuhnya aliran pendidikan Islam. Oleh itu pendidikan dalam gerakan Islam JIM telah mendapat tempat dalam hati masyarakat di Malaysia.[27]

## Dakwah Melalui Pendidikan Dalam Gerakan Islam JIM

Kemunculan gerakan Islam JIM dalam arena dakwah tanah air 1990-2000 khususnya melalui medan dakwah pendidikan telah dapat mengisi keperluan masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu.[28] Kejayaan ini adalah berdasarkan pendekatan islah masyarakat yang belum diterokai atau kurang diberi perhatian oleh badan-badan dakwah sedia ada (Wan 2000, 60). Kehadiran gerakan Islam JIM pada tahun 1990 adalah sebagai NGO Islam yang aktif dan kontributif atau berdaya saing dalam menyumbang suatu yang positif dan bukannya suatu ancaman selagi organisasi tersebut mengutamakan kepentingan dakwah Islam dan kemaslahatan masyarakat Islam melalui pendidikan aliran Islam.[29] JIM cuba menampilkan imej gerakan Islam yang berdiri sebagai sebuah organisasi Islam yang professional yang menggerakkan islah berteraskan prinsip-prinsip Islam. Masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu menerima sistem pendidikan aliran Islam yang disediakan oleh JIM. Menurut Saari (1993d), melalui pendekatan islah kemasyarakatan dalam pendidikan aliran Islam yang disediakan ini bertujuan untuk melahirkan generasi yang dapat memperbaiki kehidupan masyarakat berdasarkan al- Quran dan al-Sunnah.[30]

Gerakan Islam JIM menekankan terhadap ciri-ciri yang membezakan Islam dari agama, falsafah dan ideologi-ideologi yang dikenali oleh manusia iaitu ciri '*asy-syumul*'[31] atau menyeluruh dengan segala pembawaan maknanya yang merangkumi dan meliputi segala-galanya dalam aspek kehidupan (Yusuf 1983,3). Gerakan Islam JIM di Malaysia telah memainkan peranan utama dalam menjaga dan mempertahankan agama Islam melalui pendidikan.[32] Hal ini kerana melalui pendidikan maka pemikiran generasi muda dapat diterapkan dengan perjuangan dakwah Islam yang tidak mungkin akan tegak di tangan orang-orang yang jahil.[33] Gerakan Islam JIM mempunyai *fikrah Islamiyyah*[34] dan *aqliah Muslimah*[35] dalam bimbingan dan orientasi *Ulum Islamiyah*[36] serta *tarbiyah*[37] ke arah kesepaduan ilmu dalam menjalani kehidupan (Saari, 1997c:96).

Bagi gerakan Islam JIM, melalui pendidikan juga perjuangan dakwah dapat disampaikan secara berterusan (Saari 1991b, 13). Dakwah perlu dijalankan dari masa ke masa dengan mengajak ke arah jalan yang benar sesuai dengan perintah Allah s.w.t dan Rasul-Nya serta melarang dari melakukan kemungkaran supaya beroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.[38] Konsep dakwah adalah merupakan satu tuntutan agama ke atas setiap Muslim sama ada ke atas dirinya sendiri mahupun ke atas orang lain.[39] Dalam menghadapi cabaran semasa, dakwah melalui pendidikan amat diperlukan khususnya daripada gerakan Islam agar masyarakat dapat dibimbing dan terpimpin (Saari 1994e, 30). Melalui aktiviti dakwah pendidikan yang dijalankan oleh gerakan Islam JIM maka, ajaran-ajaran Islam sentiasa berdiri tegak dan diamalkan oleh masyarakat agar kebahagiaan dan kesejahteraan kehidupan .[40]

Oleh itu gerakan Islam JIM memegang prinsip berdakwah untuk penyatuan ummah yang konsisten kerana perselisihan ummah akan memberi kesan terhadap perjuangan mereka dan sekali gus hanya akan menyebabkan kegagalan ummah khususnya masyarakat Melayu di Malaysia (Saari 1997b, 16). Gerakan Islam JIM juga mengambil pendekatan dakwah Ikhwan al-Muslimin di Mesir dalam strategi menyatukan umat Islam dalam masalah-masalah pokok dan kaedah-kaedah Islam.[41] Sehubungan dengan itu, Imam al-Syahid Hassan al-Banna ada menyebut dalam ucapannya sempena Muktamar Ikhwan al-Muslimin yang keenam.[42] Katanya,

> Hubungan kita dengan jamaah lain adalah berasaskan kasih sayang, bekerjasama, berukuwah dan saling mempercayai antara satu dengan yang lain. Kita mengasihi mereka, kita menolong mereka serta mencuba sedaya upaya untuk menghilangkan perbezaan pandangan serta berusaha untuk menyatukannya berasaskan kebenaran dan semangat kerjasama. Pendapat *fikah* atau *khilaf madhhab* tidak mungkin meretakkan hubungan antara kami.[43]

Gerakan Islam JIM juga mempunyai perbezaan dengan gerakan-gerakan Islam yang lain di Malaysia. Hal ini kerana gerakan Islam JIM adalah gerakan Islam yang menggunakan pendekatan kemasyarakatan dalam menyampaikan dakwah (Saari 1993a, 32). Melalui dakwah pendidikan maka gerakan Islam JIM berusaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu di Malaysia dalam menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam.[44] Melalui dakwah dalam pendidikan maka masyarakat Islam khususnya orang-orang Melayu akan berubah ke arah kebaikan dengan mengikut cara hidup Islam (Saari 1993b, 95). Bagi gerakan Islam JIM, melalui pendidikan maka dakwah yang disampaikan dapat memartabatkan Islam.[45] Oleh sebab itu, gerakan Islam JIM menyatakan bahawa konsep islah kepada masyarakat perlu digarap bersama dalam memperjuangkan dakwah dalam pendidikan aliran Islam.[46]

## SISTEM PENDIDIKAN DALAM GERAKAN ISLAM JIM

Perjuangan pendidikan dalam gerakan Islam JIM fokus kepada memperbaiki kedudukan perlaksanaan sistem pendidikan kebangsaan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi melalui metod "*Qudwah Hasanah*". Matlamat metod ini adalah untuk melahirkan para pelajar yang menjadi contoh yang terbaik dalam semua aspek kehidupan. Di samping itu, para pelajar juga akan berpotensi untuk menjadi bakal pemimpin yang cemerlang pada masa akan datang.[47] Falsafah pendidikan yang diperjuangkan oleh JIM adalah sistem pendidikan yang seimbang, bersepadu, menyeluruh dan berterusan. Misi pendidikan JIM berteraskan tauhid untuk membina dan melahirkan insan *rabbani*, berilmu, beriman dan berakhlak mulia serta berkemampuan memimpin dan membentuk kehidupan diri, masyarakat, negara dan dunia berpandukan al-Quran dan as-Sunnah (Saari 1997d, 13).

Gerakan Islam JIM juga mempunyai beberapa strategi bagi menjayakan agenda transformasi pendidikan bersepadu. Antaranya adalah kesepaduan terhadap subjek yang ditawarkan dengan nilai pendidikan yang tidak dikomersialkan, sistem pengurusan dan pentadbiran dalam pendidikan, sasaran program pendidikan, penglibatan ibu bapa dan penjaga, kefahaman Institusi Pengajian Tinggi, mewujudkan rangkaian Institusi Pendidikan, program latihan guru yang berkesan, reformasi sistem pendidikan, idola institusi pendidikan, dan memasyhurkan sistem pendidikan Islam. Semua strategi yang diperkenalkan dalam sistem pendidikan JIM telah diserapkan melalui pelaksanaan institusi pendidikan di peringkat pra-sekolah Islam, Sekolah Rendah Islam, Sekolah Menengah Islam dan peringkat institusi pendidikan tinggi yang berteraskan keimanan dan pembentukan akhlak yang mulia.[48] JIM berusaha membentuk sistem pendidikan aliran Islam yang jauh daripada unsur-unsur sekular sebaliknya memberi penekanan dan integrasi di antara bidang akademik dan agama. Gabungan

kedua-dua bidang iaitu akademik dan agama akan mewujudkan kesepaduan antara ilmu dunia dan ilmu akhirat yang mampu mengembalikan asas pembentukan semula peradaban Islam dalam sistem pendidikan aliran Islam JIM.[49] Pendidikan dalam gerakan Islam JIM adalah seimbang, menyeluruh dan bersepadu yang pertama ditubuhkan di Malaysia dan seluruh dunia yang berasaskan tauhid (Saari 1995, 144).

JIM mempunyai institusi pendidikan Islam yang ditubuhkan sendiri bagi mengisi keperluan pendidikan dalam kalangan umat Islam (Saari 1996, 36). Perlaksanaan program institusi pendidikan JIM bermatlamat untuk menambah lagi ruang atau alternatif dalam bidang pendidikan, serta penambahan terhadap usaha-usaha pengislahan masyarakat di samping dapat mengetengahkan model mithali yang dilihat berjaya dan berkesan oleh aktivis JIM (Saari 1997e, 83). JIM bertungkus lumus menggerakkan model-model program dan institusi pendidikan unggul dan mithali bagi membuktikan JIM satu pergerakan Islam yang berwibawa. Pendidikan JIM menyeluruh supaya para pelajar yang mendapat tarbiah di institusi ini dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai aspek (Saari 1996, 73). Gerakan Islam JIM juga memastikan pelajar-pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kelayakan formal serta asas-asas kemahiran hidup yang membolehkan mereka menempatkan diri dalam menyusuri arus perdana dan kecekalan di dalam mengharungi cabaran kehidupan.[50] JIM ingin melihat perjuangan yang digerakkan oleh pertubuhan ini sentiasa berterusan dan tidak berhenti separuh jalan. Sejak dari peringkat awal usia penubuhannya lagi JIM telah berusaha menyediakan generasi pelapis untuk mendapatkan tenaga-tenaga pewaris masa hadapan sebagai penerus tugas-tugas pengislahan masyarakat. Gerakan Islam JIM melaksanakan pengoperasian program-program pendidikan melalui dua dimensi. Pertama adalah program yang digerakkan melalui institusi-institusi formal dan kedua adalah program pengukuhan identiti dan imej JIM. Ini menjadikan JIM sebagai gerakan Islam yang berjaya bergerak dan mempengaruhi masyarakat dengan membawa isu-isu teori dan praktikal dalam pendidikan (Saari 1994a, 62)

Pendidikan pra-sekolah pertama dalam gerakan Islam JIM diusahakan oleh para muslimat.[51] Tadika-tadika Islam ini adalah Tadika Amal (TA) ditubuhkan pada tahun 1986 yang diusahakan oleh YM Tengku Mariam Tengku Besar Mahmud dan Tadika Al-Husna (TH) ditubuhkan pada tahun 1993 yang dikendalikan oleh individu lulusan Amerika Syarikat dan Britain. Tadika Amal menjadi hak milik sepenuhnya oleh JIM pada tahun 1994 dengan nama Tadika Al-Hidayah (TAH) manakala Tadika Al-Husna di ambil sepenuhnya hak pemilikan oleh gerakan Islam JIM pada tahun 1995.[52] Pengambilan tadika-tadika Islam ini membawa kepada tercetusnya idea JIM untuk menubuhkan Sistem Pendidikan Sekolah Rendah Islam. Hal ini kerana untuk kesinambungan sistem pendidikan yang berteraskan tauhid dalam tadika-tadika Islam. Pada tahun 1985, Sekolah Rendah Islam Hira' telah beroperasi di Shah Alam dan diikuti Sekolah Rendah Islam Al-Amin di Kuala Lumpur pada tahun 1986 serta Sekolah Rendah Islam Al Amin di Gombak pada tahun 1989 (Saari 1994c, 23).

Bagi melengkapkan sistem pendidikan aliran Islam ini, maka pada 3 Disember 1990 telah ditubuhkan Sekolah Menengah Islam Al-Amin Gombak yang menggunakan pendekatan pengurusan sekolah berasrama penuh.[53] Gerakan Islam JIM telah menambah bilangan Sekolah Menengah Islam kerana permintaan dan keperluan yang mendesak daripada masyarakat setempat (Saari 1997b, 41). Kesemua sekolah ini telah mengguna pakai Sistem Pendidikan Al-Amin dan membuat kolaborasi dengan pengurusan Majlis Guru Besar Sekolah-Sekolah Islam Se-Malaysia (MGBSIM) dan Lembaga Pengelola Pusat Pendidikan Al-Amin (LPPPAA) bagi menggunakan Sistem Pendidikan Al-Amin.[54] Majlis Guru Besar Sekolah-Sekolah Islam Se-Malaysia (MGBSIM) dan Lembaga Pengelola Pusat Pendidikan Al-Amin (LPPPAA) bertindak dan berfungsi sebagai perunding kepada Sekolah Menengah Islam JIM. Ruang lingkup tugasan LPPPAA dan MGBSIM adalah dari aspek penyelarasan dan permuafakatan dalam aktiviti-aktiviti wawasan pendidikan dan saling melengkapi dan membantu mencapai

wawasan pendidikan bersama. Walau bagaimanapun, itu hanyalah sekadar penyelarasan dan pengayaan dengan mengekalkan autonomi masing-masing institusi pendidikan dan bukan perundangan. Dalam masa yang sama, struktur membuat keputusan dalam institusi masing-masing tidak diubah oleh majlis-majlis perundingan ini. Perlaksanaan program-program adalah bersama seperti program latihan guru, bengkel peningkatan kemahiran mengajar, perkhemahan syabab peringkat nasional dan seumpamanya bagi meningkatkan prestasi semua pihak yang terlibat dalam menjadikan program-program pendidikan (Saari 1994d, 104).

Pengurusan dan pentadbiran pendidikan Islam pra-sekolah JIM dikendalikan oleh Lembaga Pendidikan Pra-Sekolah Wanita JIM yang bertindak memantau guru-guru besar tadika-tadika Islam JIM agar melaksanakan pengajaran sebagaimana yang ditentukan oleh JIM Pusat.[55] Manakala pengurusan dan pentadbiran pendidikan Islam JIM dikendalikan oleh Jawatan kuasa Pendidikan Pusat bersama dengan Pusat Pendidikan Al-Amin (PPAA). Pengerusi Jawatan kuasa Induk PPAA berperanan membantu pengetua bagi Sekolah Rendah Islam Al-Amin (SRIAA) dan Sekolah Menengah Islam Al-Amin (SMIAA). PPAA bertindak memastikan kecemerlangan secara menyeluruh kedua-dua tahap pendidikan Islam JIM sama ada dari sudut akademik ataupun sahsiah pelajar. PPAA juga mengetuai seluruh lembaga pengelola SRI dan SMI di seluruh negara khususnya dalam membincangkan perkara berkaitan dengan polisi, gagasan, permasalahan dan masa depan SRI dan SMI di seluruh negara.[56]

